

▼30/12/17-21MST

CNS9089

U GB 30-12 00185 BH793

BAH

Mahathir - Jepun

DR MAHATHIR BERTUKAR-TUKAR PANDANGAN DENGAN TOKOH JEPUN

LANGKAWI, 30 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengadakan lawatan peribadi selama dua hari ke sini sejak semalam hari ini mengadakan perbincangan dengan tiga tokoh dari Jepun, yang masing-masing merupakan tokoh korporat, tokoh bank dan tokoh akademik.

Mereka ialah Pengerusi syarikat Mitsui, Encik K. Ejiri, Presiden Bank Industri Jepun, Encik Y. Kurosawa dan Profesor I. Nakatani dari Universiti Hitotsubashi, Tokyo.

Ketiga-tiga mereka dan rombongan sokongan seramai 15 orang tiba di sini semalam bersama-sama Dr Mahathir dan isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Ketua Setiausaha Sulit Kanan, kepada Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Ismail memberitahu pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini sebelum Dr Mahathir dan rombongan berlepas ke Kuala Lumpur petang ini bahawa tujuan lawatan peribadi Perdana Menteri itu ialah untuk saling bertukar pandangan dengan tokoh-tokoh Jepun berkenaan.

Beliau berkata, perbincangan selama kira-kira tiga jam di Hotel Berjaya Langkawi Beach Resort di sini pagi ini berkisar mengenai hubungan perdagangan dan ekonomi. -- Lagi.

▼30/12/17-30MST

CNS9091

U GB 30-12 00211 BH794

BAH

Mahathir - Jepun 2 (Akhir) Langkawi

Katanya, ketiga-tiga tokoh Jepun itu juga telah dibawa melawat ke beberapa tempat menarik di sini seperti Taman Buaya di Teluk Datai, Hotel The Datai, Hotel Berjaya Langkawi Beach Resort dan menginap di Sheraton Langkawi untuk menunjukkan kepada mereka potensi Langkawi sebagai pulau pelancongan.

Perdana Menteri dan rombongan dari Jepun itu juga hari ini menghadiri jamuan tengah hari di Barn Thai Jazzaurant, sebuah restoran unik yang terletak di tengah-tengah hutan bakau yang dimajukan YTL Corporation daripada idea Dr Mahathir.

Menurut Abdul Aziz, tokoh-tokoh berkenaan turut tertarik dengan kemudahan pelancongan yang terdapat di sini.

Katanya, perbincangan seumpama itu bukan kali pertama diadakan kerana Dr Mahathir sering mengadakan perbincangan dan bertukar-tukar pandangan dengan tokoh-tokoh swasta dan korporat dari pelbagai negara dari semasa ke semasa.

Dr Mahathir, Dr Siti Hasmah dan rombongan berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 4 petang ini.

Yang turut berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan ialah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri Kedah, Datuk Abu Bakar Taib, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Usahawan negeri, Datuk Syed Razak Syed Zain, Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Haji Abdul Halil Abdul Mutalib dan Pegawai Daerah Langkawi, Ku Nahar Ku Ibrahim. -- Bernama.

KHY KAM.